

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 MARCH 2017

Maritim Malaysia terima kapal ronda generasi baharu

Um-16/3/2017

PELABUHAN KLANG 15 Mac - Keselamatan dan pertahanan maritim negara akan terus diperkasa bagi memastikan Malaysia bukan sahaja bebas tetapi berupaya mendepani segala bentuk ancaman, sama ada bersifat konvensional atau dalam bentuk rentas sempadan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, aspek tersebut kritikal kerana bukan sahaja berkaitan secara langsung dengan soal kedaulatan negara, tetapi pada masa yang sama, jaminan keselamatan itu bakal melahirkan persekitaran kondusif buat Malaysia.

Jelasnya, menyedari kepentingan itulah kerajaan melaburkan sejumlah besar wang untuk memperlengkapkan pihak berkuasa maritim seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dengan aset termoden kerana yakin pelaburan berkenaan mempunyai *value of money*.

Buktinya kata Najib, perairan di kawasan Selat Melaka kini berada dalam keadaan aman dan terkawal setelah Laporan Tahunan International Maritime Bureau (IMB) pada tahun 200 menyenaraikan Selat Melaka sebagai antara perairan yang menjadi tumpuan lanun.

"Semoga adanya NGPC (kapal ronda generasi baharu) dan OPV (kapal peronda luar pesisir) ini nanti, akan berupaya memenuhi tuntutan yang dihadapi Maritim Malaysia, terutama dalam

KM BAGAN DATUK

- Keseluruhan **enam buah**
- Dibina syarikat **Destini Bhd.** hasil perjanjian dengan syarikat Fassmer dari Jerman
- Mampu beroperasi selama **10 hingga 14 hari** di laut
- Memiliki kelajuan maksimum **24 knot**
- Boleh belayar sejauh **2,000 batu nautika**
- Mampu menempatkan maksimum **41 krew**
- Dilengkapi meriam automatik **Aselsan 30mm**
- Turut mempunyai teknologi **pesawat tanpa pemandu (UAV)**
- UAV boleh membuat pengawasan sejauh **80 batu nautika** dalam tempoh lapan jam

44.25 meter panjang yang dibina sepenuhnya oleh syarikat perkapalan tempatan, Destini Berhad di jeti syarikat itu di sini hari ini.

Pelancaran kapal ronda yang lengkap dengan radar termoden, meriam pertahanan Aselsan berukuran 30 milimeter dan pesawat tanpa pemandu (UAV) buatan Thales itu dirasmikan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Laksamana Maritim Datuk Seri Ahmad Fuzi Ab. Kahar dan Pengerusi Destini, Tan Sri Rodzali Daud.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri berkata, kerajaan juga sudah bersetuju memperuntukkan RM740 juta kepada Maritim Malaysia untuk membina tiga buah kapal jenis OPV bagi memantapkan lagi tahap kesiapsiagaan agensi itu mengawal perairan negara bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Katanya, kehadiran kapal-kapal serba canggih itu kelak akan memberi lonjakan berganda kepada Maritim Malaysia setelah agensi tersebut baharu sahaja menerima dua buah kapal OPV sumbangan Jepun dan dua buah kapal dari jenis Bay Class yang dihadiahkan kerajaan Australia.

berdepan cabaran sektor maritim yang kini semakin meluas dan kompleks," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis NGPC terbaharu milik Maritim Malaysia, 'KM Bagan Datuk' berukuran